

## **MANIPULASI SISTERS IN ISLAM TERHADAP HADIS WIDA' BAGI TUJUAN MERATIFIKASI ICERD**

Norsaleha Mohd. Salleh  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Tel: +6019-3341494 E-mail: norsaleha@kuis.edu.my

Rosni Wazir  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Tel: +6017-3473254 E-mail: rosni@kuis.edu.my

Abur Hamdi Usman  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Tel: +6011-19070551 E-mail: aburhamdi@kuis.edu.my

Abu Zaki Ismail  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Tel: +6019-6643462 E-mail: abuzaki@kuis.edu.my

Farid Ravi Abdullah  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Tel: +6019-3341494 E-mail: faridravi@kuis.edu.my

Lilly Suzana Hj Shamsu  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam  
Tel: +6738742611 E-mail: lily.shamsu@unissa.edu.bn

Nurul Ain Burhanuddin  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Tel: +6011-14749562 E-mail: 4ainnur4@gmail.com

### **ABSTRAK**

Khutbah terakhir Rasulullah SAW berlaku pada peristiwa Haji wida' di Bukit Arafah berkaitan status bangsa dan kaum. Sisters In Islam (SIS) yang telah difatwakan sesat oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah memanipulasikan hadis wida' dengan tujuan mendesak kerajaan Malaysia untuk meratifikasi ICERD. ICERD (*International Convention on Elimination of All Forms of Racial Discrimination*) adalah satu konvensyen antarabangsa yang memperjuangkan hak asasi manusia di dunia. Malaysia tidak pernah meratifikasi ICERD kerana ianya bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia dan Perkara 153. Negara yang meratifikasinya hendaklah menghapuskan segala bentuk diskriminasi kaum dan tidak boleh memiliki undang-undang yang mengutamakan mana-mana kaum. Kajian ini bertujuan adalah untuk membersihkan hadis wida' daripada dimanipulasikan oleh Sisters In Islam (SIS) dan menerangkan kesan ICERD yang boleh

menganggu ketenteraman Islam di Malaysia. Metodologi kajian menggunakan analisis dokumen terhadap hadis wida', dokumen ICERD dan kenyataan Sisters In Islam. ICERD akan menjelaskan institusi kehakiman Syariah, prinsip-prinsip far'a'id dan pewarisan serta institusi fatwa yang sentiasa mentafsir kepercayaan yang salah dan sesat dalam agama bagi mempertahan keluhuran agama dan keharmonian negara. Sisters In Islam (SIS) telah mengambil kesempatan tentang hadis wida' ini untuk menunjukkan bahawa usaha meratifikasi ICERD itu tidak bertentangan dengan Islam. Impak kajian ini akan memberi input kepada Majlis Agama Islam dan istitusi agama untuk mempertahankan hak-hak Islam di Malaysia.

**KATA KUNCI:** *Manipulasi, Sisters In Islam, Hadis Wida', Liberal*

## PENGENALAN

Persoalan berkaitan dengan aliran pemikiran telah menjadi satu ancaman sejak zaman awal Islam lagi. Umat Islam sering kali berhadapan dengan isu yang cuba untuk merosakkan kesucian dan kemurnian Islam dengan kemunculan aliran pemikiran yang melampau. Kecelaruan pemikiran yang dibawa ini telah lama mewarnai sejarah umat Islam. Di atas nama kemajuan pada era globalisasi, ancaman pemikiran liberal ini terus disemarakkan dengan semangat untuk menjadikan agama agar sentiasa relevan dengan peredaran zaman sehingga ke tahap melanggar batas syariah Islam itu sendiri. Menurut Mohd Zamrus Mohd Ali (Imam Besar Masjid al-Malik Khalid, Pusat Islam USM); dua fenomena utama yang mempengaruhi psikologi umat Islam. Pertama, fenomena penjajahan barat ke atas negara-negara Islam merangkumi penjajahan dalam bentuk pemikiran, penjajahan ekonomi, budaya dan sebagainya. Kedua, fenomena kemunduran dan ketinggalan umat Islam dalam bidang teknologi dan kemajuan masa kini.

Akibat daripada itu munculnya salah satu pemikiran yang menganggap agama sebagai halangan tetapi berpendapat penyelesaiannya adalah dengan membuka dan membebaskan agama daripada tafsiran lama yang dikatakan jumud dan tidak menjadi pemungkin kepada kemajuan Umat. Golongan Islam Liberal tidak menzahirkan diri mereka sebagai orang yang menolak agama, tetapi berselindung di sebalik gagasan mengkaji semula agama, mentafsir semula al-Quran, menilai semula syariat dan hukum-hukum fikah (Ariffin Ismail, t.t). Mereka tidak mahu memisahkan diri dengan agama, namun menggunakan agama sebagai alat pelindung terhadap kekacauan pemikiran mereka. Mereka amat memerlukan agama tetapi agama sekadar dijadikan kosmetik untuk mencapai kepentingan dunia dan mereka menganggap mereka lahir pejuang agama yang sebenarnya.

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Sisters In Islam (SIS) telah difatwakan sesat pada 17 Julai 2014 oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Antara yang telah difatwakan Pemikiran Islam Liberal merupakan satu bentuk pemikiran yang sering kali meletakkan prinsip kebebasan dan keterbukaan dalam segenap aspek kehidupan sehingga kadang kala melangkaui batasan syariah dan hukum-hakam yang telah termaktub dalam agama Islam sendiri. Di Malaysia, kumpulan Sister In Islam (SIS) adalah antara penyokong kuat gerakan ini. Hal ini dapat dilihat menerusi wacana ilmu yang sering diadakan bersama individu tertentu yang didatangkan dari Indonesia dan negara-negara Barat khasnya Amerika Syarikat. Ia umpsama "penyakit baru" bagi umat Islam. Fahaman ini memberikan kebebasan kepada

individu tanpa sekatan. Semua orang tanpa mengira latar belakang ilmu dan pendidikan boleh mentafsir Islam. Penafsiran bukan milik golongan tertentu seperti para ulama. Fahaman seperti ini sedang menular dalam masyarakat Islam di Malaysia (Idris Zakaria, 2012).

Khutbah wida' telah dijadikan sebagai perantara bagi sampainya pengaruh SIS dalam cubaan meratifikasi ICERD. Definisi manipulasi menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (edisi keempat); adalah segala tindakan dan selok-belok untuk memperdaya orang atau mempengaruhi pendirian orang lain tanpa disedari orang itu. Tujuan ICERD ini dibuat adalah untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi kaum dan mempromosikan toleransi antara semua bangsa dan kaum. Konvensyen ini juga memerlukan setiap pihak yang terlibat menggubal undang-undang berkaitan kebencian antara kaum (*hate speech*) dan menjadikan ianya sebagai satu tindakan jenayah. Setakat Nov 2018, sebanyak 179 negara sudah meratifikasi ICERD. Malaysia salah satu daripada 18 negara dunia yang masih belum ratifikasi ICERD. Hanya 2 negara Islam yang belum meratifikasi ICERD iaitu Malaysia dan Brunei. Bagaimanapun, pada 23 November 2018, kerajaan mengambil keputusan untuk tidak meratifikasi ICERD selepas dibantah oleh majoriti masyarakat Malaysia. Justeru kajian ini, adalah untuk menganalisis manipulasi SIS terhadap hadis wida' bagi tujuan ratifikasi ICERD.

## METODOLOGI

Kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif menerusi kaedah pengkajian keperpustakaan dan analisis dokumen. Pengkaji mengumpul data menerusi analisis kandungan daripada bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan seperti kitab hadis antaranya, Sahih Bukhari, Kitab Musnad Ahmad, buku dan jurnal khusus bagi data primer tentang pandangan sarjana berkenaan hadis wida' dan pandangan sarjana .

## PERBINCANGAN/DAPATAN

Menurut kajian yang dibuat oleh Zulkiple Ghani (t.t) berkaitan dengan Sisters In Islam (SIS) adalah merupakan gerakan yang begitu aktif menggunakan medium media sama ada melalui media cetak atau media massa dalam mempromosikan isu keadilan, liberalisasi, *humanisme* dan kesamarataan hak bagi wanita dalam Islam. SIS dikenalpasti sebagai sebuah gerakan yang mempunyai unsur-unsur pemikiran Islam Liberal yang mampu mencabar aqidah umat Islam di negara ini apabila mereka secara berani menegaskan bahawa wanita Islam bebas dalam memilih untuk menutup aurat atau sebaliknya, terutamanya isu pemakaian tudung. Ini dapat dilihat dalam laporan yang telah dibuat oleh Latifah Abdul Majid (2011) di dalam artikel *Response of Muslim Community Concerning Liberal Islam In Malaysia*.

## HUJAH SIS SOKONG RATIFIKASI ICERD MENGGUNAKAN HADIS WIDA' DAN AYAT QURAN

Isu ICERD mula mendapat perhatian masyarakat apabila terdapat segelintir pihak yang menyokong penggunaan ICERD. Isu hak asasi manusia di Malaysia bukan isu yang baru kerana ia tidak dibincangkan secara terbuka. Dalam usaha meratifikasikan ICERD, SIS menggunakan hadis wida' dan memetik hadis lain bagi menguatkan hujah mereka. Dalam satu kenyataan yang dibuat oleh SIS dalam portal rasmi mereka, mesej yang disampaikannya pada Khutbah wida itu menekankan bahawa Islam pada asasnya menentang sebarang bentuk

diskriminasi kaum, tidak kira sama ada mereka umat Islam atau tidak. SIS dalam kenyataannya turut memetik hadis dalam bahasa Inggeris [Al-Bukhari, 1623, 1626, 6361, Muslim 98, Imam al-Tirmidzi 1628, 2046, 2085, Imam Ahmed Hanbal, Masnud 19774].

*"All mankind is from Adam and Eve, an Arab has no superiority over a non-Arab nor a non Arab has any superiority over an Arab; also a white has no superiority over black nor does a black have any superiority over a white, except by piety and good action."*

Dalam kenyataan SIS turut diiringi ayat Quran yang menyokong hadis tersebut antaranya surah Al-Isra' ayat 70:

*"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan."*

Dan Surah Fatir ayat 28:

*"Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun."*

SIS menekankan bahawa kedua ayat Quran ini menunjukkan bahawa semua makhluk mempunyai maruah dan sengaja dicipta dengan pelbagai warna. Pertubuhan itu juga mengambil contoh kisah Bilal bin Rabah yang lahir sebagai hamba berkulit hitam, dan disebabkan perkauman serta undang-undang sosiopolitik Arab ketika itu, keluarganya tidak mendapat keistimewaan dari sudut sosial. Bagi mereka lagi, Nabi sangat mempercayai Bilal sehingga mengangkat beliau sebagai Muazzin pertama di Mekah. Bukti jelas bahawa faktor kaum bukan faktor penting dalam pandangan Islam. Bagi menegakkan prinsip hidup Rasulullah SAW, adalah menjadi satu kewajipan bagi umat Islam mengutuk perkauman dan menerima yang paling mulia disisi adalah Allah SWT ialah mereka yang bertakwa (tanpa mengira suku kaum dan bangsa) berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat; ayat 13;

*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).*

Pendapat mereka, kebanyakan negara-negara majoriti Islam di dunia, termasuk negara-negara OIC, telah mengesahkan Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) dan ia jelas menunjukkan bahawa konvensyen itu tidak bercanggah dan tidak mengancam kedaulatan Islam. Malah, Perkara 11 (A) Piagam OIC 1972 jelas mengenal pasti objektif institusi utamanya sebagai "untuk menghapuskan pengasingan dan diskriminasi kaum." Dalam mengesahkan ICERD, Malaysia bukan sahaja

mencerminkan komitmennya untuk masyarakat harmoni pelbagai kaum bahkan meraikan hakikat bahawa Islam adalah agama rasmi negara ini (Portal Rasmi SIS).

Walau bagaimanapun, berdasarkan ulasan yang dinyatakan oleh SIS ini dapat dilihat mereka telah memanipulasikan hadis dan ayat Quran tersebut hanya untuk membenarkan kenyataan dan tujuan asal mereka sahaja. Hal ini disebabkan, golongan ini tidak mengambil intipati hadis wida' dan ayat Quran secara menyeluruh. Dengan itu kupasan berkaitan hadis wida' dan ayat Quran akan dibincangkan sebagaimana selanjutnya:

### HADIS WIDA' BERKAITAN BANGSA DAN KAUM

عَنْ أَبِي نَصْرَةَ حَدَّثَنِي مَنْ سَمِعَ حُكْمَتَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي وَسْطِ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ فَقَالَ يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَلَا إِنَّ رَجُلَكُمْ وَاحِدٌ وَإِنَّ أَبَانِكُمْ وَاحِدٌ أَلَا لَا فَضْلٌ لِعَرَبِيٍّ عَلَى أَعْجَمِيٍّ وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَى عَرَبِيٍّ لَا حُمْرَ عَلَى أَسْوَدٍ وَلَا أَسْوَدٍ عَلَى حُمْرٍ إِلَّا بِالْتَّقْوَى أَبْلَغْتُ قَالُوا بَلَّغَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ أَيُّ يَوْمٍ هَذَا قَالُوا يَوْمُ حَرَامٍ ثُمَّ قَالَ أَيُّ شَهْرٍ هَذَا قَالُوا شَهْرُ حَرَامٍ قَالَ ثُمَّ قَالَ أَيُّ بَلْدٍ هَذَا قَالُوا بَلْدٍ حَرَامٍ قَالَ فَإِنَّ اللَّهَ قَدْ حَرَمَ بَيْنَكُمْ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ قَالَ وَلَا أَدْرِي قَالَ أَوْ أَعْرَاضَكُمْ أَمْ لَا كُحْرُمَةٌ يَوْمَكُمْ هَذَا فِي شَهْرِكُمْ هَذَا فِي بَلْدِكُمْ هَذَا أَبْلَغْتُ قَالُوا بَلَّغَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِيَبْلِغَ الشَّاهِدُ الْعَائِبَ (رواه أحمد: إسناده صحيح)

*Diriwayatkan dari Abi Nadhrah, telah menceritakan kepadaku orang yang mendengar khutbah Rasulullah SAW di tengah hari-hari tasyriq (iaitu khutbah wada'), maka beliau bersabda: Wahai para manusia, ingatlah sesungguhnya Tuhan kalian itu satu, dan bapa kalian itu satu. Ingatlah, tidak ada keutamaan bagi orang Arab atas orang ajam/asing, dan tidak bagi orang ajam atas orang Arab, tidak bagi orang kulit merah atas kulit hitam, dan tidak bagi orang kulit hitam atas kulit merah kecuali dengan taqwa. Apakah sudah aku sampaikan? Mereka menjawab, Rasulullah SAW telah sampaikan. Kemudian beliau berkata, hari apa ini? Mereka menjawab, hari haram/mulia. Kemudian beliau berkata, bulan apa ini?*

*Mereka menjawab, bulan haram/mulia. Kemudian dia berkata, negeri apa ini? Mereka menjawab, negeri haram/ mulia. Beliau bersabda, maka sesungguhnya Allah sungguh telah mengharamkan di antara kamu sekalian darah-darah kamu sekalian dan harta-harta kamu sekalian periyat berkata, dan aku tidak tahu beliau berkata atau kehormatan-kehormatan kamu sekalian atau tidak seperti haramnya (mulianya) hari kalian ini dalam bulan kalian ini dalam negeri kalian ini. Apakah telah aku sampaikan? Mereka menjawab, telah Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam sampaikan. Beliau bersabda, hendaknya orang yang menyaksikan menyampaikan kepada orang yang tidak hadir.*

(Diriwayatkan oleh Musnad Ahmad, No 1536; 23489, Jilid 38, ms 474, Sahih)

Isi penting khutbah haji wida' berkaitan tiada diskriminasi:

1. Kaum muslimin harus saling menjaga kehormatan dan jiwa saudaranya.
2. Kemuliaan manusia bukan kerana keturunan, warna kulit atau status sosialnya, tetapi kerana ketaqwaan dan akhlaknya.

## INTIPATI HADIS WIDA' MENURUT SARJANA

Peguam Kanan Persekutuan, Tuan Haji Mahamad Naser bin Disa menerusi kertas kerjanya ‘*Hak Asasi & Kebebasan Diri Perspektif Syara’ Dan Humanisme: Satu Analisis Perbandingan*’ menjelaskan Khutbah Wada’ Rasulullah SAW telah memperlihatkan kesempurnaan ajaran Islam yang mengiktiraf hak-hak setiap insan sama ada lelaki atau wanita. Khutbah terakhir Rasulullah SAW yang berbunyi antara lainnya :

*“Tidak ada kelebihan bagi seorang Arab dengan bukan Arab, bagi seorang yang berkulit putih dengan yang berkulit hitam melainkan ketakwaan kepada Allah sahaja yang berbeza”.*

Hadis ini jelas memperlihatkan keadilan Islam yang tidak membenarkan sebarang bentuk penindasan hanya disebabkan perbezaan warna kulit sepertimana yang pernah dilakukan oleh Barat. Sirah Nabawiyah membuktikan Islam menolak penindasan. Hal ini selari dengan surah al-Hujurat ayat 13, di mana Allah berfirman, mafhumnya :

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).”*

Sebelum kedatangan Islam, siapakah yang memandang seorang hamba Habsyah berkulit hitam bernama Bilal bin Rabah? Namun bagaimana pula perubahan yang berlaku pada dirinya sesudah Islam yang menjadi antara sahabat termasyhur, dikenali oleh seluruh umat sepanjang zaman. Agama Islam adalah agama yang menjamin keselamatan nyawa sebagaimana firman Allah s.w.t dalam al-Quran, pada surah al-Isra’ ayat 33 yang bermaksud:

*“Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar. Dan sesiapa yang dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah menjadikan warisannya berkuasa menuntut balas.*

*Dalam pada itu, janganlah ia melampau dalam menuntut balas bunuh itu, kerana sesungguhnya ia adalah mendapat sepenuh-penuh pertolongan (menurut hukum Syarak). ”*

Wan Roslili binti Majid, Pegawai Penyelidik Kanan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) mencatatkan seperti berikut : “Antara ciri penting yang membezakan kandungan Khutbah Wada` dengan instrumen hak asasi manusia barat ialah khutbah Nabi s.a.w. berasaskan wahyu dan bertujuan mentaati serta menunaikan hak Allah s.w.t. yang menjamin kemaslahatan umum (maslahah `ammah). Sebaliknya ada antara bentuk perjuangan hak asasi manusia yang dilaung-laungkan dan dipertahankan pihak barat bertentangan sama sekali dengan hak Allah SWT. dan kemaslahatan masyarakat umum. Misalnya, perjuangan bagi mempertahankan hak individu serta kelompok tertentu seperti LGBT (*Lesbian, Gay, Bisexual, Transsexual*) yang mendatangkan kemudarat dan musibah besar kepada manusia sejagat.

## ICERD MENURUT CENDEKIAWAN ISLAM DI MALAYSIA

### *Islam Agama Hak*

Menerusi kenyataan Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang,

*'Ibu bapa yang ada anak 10 orang, tak sama dengan ibu bapa yang ada anak tiga orang. Tak boleh di atas nama adil, kita beri sama banyak. Mesti beza. Ini kita kena faham. Meletakkan sesuatu kena pada tempat. Orang Islam Bumiputera dalam keadaan ketinggalan, diatur oleh penjajah dulu (begitu). Orang bukan Islam diletak di bandar, menguasai perdagangan. Pantai Barat menguasai industri, pelabuhan. Orang Islam diletakkan sama banyak miskin. Kemudahan belajar dia lemah. Maka tak boleh sama orang Islam di samping jumlah mereka majoriti, kedudukan mereka lemah. Nak dihapuskan atas nama persamaan? Ini tak betul, '.*

Apatah lagi katanya, perbuatan orang Islam menganggap Islam sama serupa dengan agama lain adalah dasar yang salah dan wajib ditentang usaha meletakkan Islam di kedudukan sama dengan agama lain.

*"Tidak boleh. Orang Yahudi kata Yahudi betul, Kristian tidak betul. Kristian kata Kristian betul, Yahudi tidak betul. Hindu kata Hindu betul, agama lain tak betul. Kita orang Islam wajib mengatakan Islam itu betul, kita beri hak kepada agama lain, tak ganggu dia. Tapi nak suruh kata agama lain betul juga macam Islam, itu tak boleh. Ini sempadan yang kita kena faham. Kita tak boleh langgar sempadan ini. Malangnya ada orang Islam yang tak faham, ataupun buat-buat tak faham. Nak berjuang di atas nama persamaan, nak jadikan Islam ini sama agama lain, ini tak boleh. Orang Islam mesti mengaku Islam adalah agama yang benar. Agama lain kita tak boleh ganggu, '.*

Persamaan itu didakwa sebagai keadilan adalah satu kefahaman dibawa oleh Barat untuk diterima semua perkara secara sama rata. Beliau menentang ICERD kerana hakikat keadilan adalah meletakkan sesuatu kena pada tempatnya.

### *ICERD gagal lindungi hak wanita Islam*

Menurut Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim Mokhtar, beliau memberi pandangan bahawa ICERD tidak mampu untuk melindungi hak wanita Islam apabila ada pihak cuba menjustifikasi kewajaran Malaysia ratifikasi ICERD menggunakan alasan menyelesaikan isu wanita Muslim yang tidak dibenarkan bertudung dalam sektor perhotelan dan penerbangan. Kenyataan media Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) pada 31 Oktober 2018, Fakta bahawa SUHAKAM mengeksplorasikan

isu ini bagi menyokong agenda ICERD di dalam negara, tetapi tidak berusaha mengetengahkan isu ini pada peringkat antarabangsa, sebenarnya memperlihatkan sikap tidak ikhlas SUHAKAM dalam memperjuangkan isu larangan berhijab bagi wanita Muslim.

Jelas Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim Mokhtar, beliau percaya bahawa isu yang berbaur Islamofobia perlu diselesaikan menggunakan undang-undang negara yang sedia ada tanpa perlu mengiktiraf sebuah konvensyen yang jelas bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Isu diskriminasi wanita di tempat kerja boleh diselesaikan tanpa keperluan untuk mengiktiraf ICERD. Konvensyen Berkaitan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) serta undang-undang sedia ada masih gagal melindungi wanita. Maka isu larangan berhijab ialah isu kompleks yang tidak sepatutnya dicampuradukkan dengan percaturan politik ke arah pengiktirafan sebuah lagi konvensyen.

### ***Kesan ICERD Kepada Agama***

Melalui Perlembagaan Persekutuan, Islam diiktiraf sebagai agama rasmi, namun agama lain tetap bebas diamal. Ini adalah kompromi awal atas kehendak Raja-Raja Melayu yang menjadi tonggak agama Islam, suatu agama yang diamal secara turun temurun di Malaysia. Kaum Melayu juga diberi beberapa keistimewaan. Keistimewaan ini menjadikan Malaysia negara yang hampir bebas konflik dan pertumpahan darah (kecuali tragedi 13 Mei). Rakyat hidup dalam harmoni sedang keistimewaan penduduk asal iaitu kaum Melayu dihormati. Agama menentang keras sebarang bentuk diskriminasi. Hakikatnya, Rasulullah SAW datang 1400 tahun dahulu adalah untuk memerangi taksub pada perkauman.

Penulisan dibuat oleh Yusfarizal Yussoff, menegaskan bahawa ICERD hanya akan mencampuri dan menjelaskan institusi kehakiman Syariah, prinsip-prinsip fara'id dan pewarisan serta institusi fatwa yang sentiasa mentafsir kepercayaan yang salah dan sesat dalam agama bagi mempertahan keluhuran agama dan keharmonian negara. Pihak yang mengatakan ICERD tidak melibatkan "diskriminasi" berdasarkan agama perlulah mempunyai justifikasi yang jelas dan tidak menyeleweng. ICERD tidak meletakkan "agama" dalam definisi diskriminasi kaum menurut Artikel 1(1) ICERD. Namun Artikel 5(d)(vii) ICERD mengiktiraf kebebasan pemikiran, kesedaran dan agama sebagai hak yang perlu diberi tanpa diskriminasi berasaskan kaum. ICERD tetap memberi impak besar kepada kedudukan agama.

### ***Rakyat menolak ICERD***

Majoriti rakyat Malaysia menolak gagasan itu menerusi reaksi ditonjolkan pelbagai pihak terhadap cadangan mengesahkan ICERD. Bagi Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor berpendapat bahawa walaupun terdapat individu dan pihak yang menyokong cadangan meratifikasi konvensyen tersebut dengan alasan ia akan menyediakan peluang kepada masyarakat mengemukakan aduan terhadap diskriminasi kaum, namun demikian ia masih tidak relevan dalam konteks di Malaysia. Bimbang ia hanya akan membawa kepada akibat yang lebih buruk dan sukar dibendung. Beliau turut mengingatkan bahawa keadilan bukanlah beerti

kesamarataan, sebaliknya ia adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya yang sebenar dan sesuai dengan kedudukannya.

## KESIMPULAN

Gerakan Islam Liberal adalah usaha halus untuk memanipulasi umat Islam tanpa mereka sedari dan ianya dilakukan atas nama Islam. SIS cuba untuk meratifikasi ICERD menggunakan dalil dari hujah hadis dan Quran hanya dalam masa sama cuba untuk membawa pemikiran mereka. Kewajaran meratifikasi ICERD perlulah dinilai dari pelbagai sudut dan pandangan sarjana mahupun ulama terlebih dahulu kerana ICERD merupakan konvensyen di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berdasarkan prinsip maruah (*dignity*) dan kesamarataan (*equality*) terhadap semua manusia, bahawa semua manusia adalah sama rata di sisi perundangan dan berhak mendapat perlindungan saksama daripada sebarang diskriminasi dan hasutan untuk mendiskriminasi. Apabila kerajaan meratifikasi ICERD, maka kebaikan paling penting yang akan diterima adalah penghapusan segala diskriminasi perkauman, agama, ras, keturunan, gender, fizikal, dan sebagainya yang akan memberi kebaikan kepada masyarakat Malaysia untuk hidup secara harmoni dan melayani setiap anggota masyarakatnya secara bermaruah dan berperikemanusiaan. Isu diskriminasi dalam bidang pekerjaan, pendidikan, hak bersuara, hak keselamatan, kebebasan dan sebagainya tanpa mengira warganegara ataupun bukan warganegara tidak lagi timbul. ICERD ini mempunyai agenda tersendiri untuk melemahkan penguasaan umat Islam terhadap agama. Dalam pada itu, Sisters In Islam (SIS) mengambil kesempatan tentang hadis wida' ini untuk menyokong ratifikasi ICERD. Membawa perjuangan mahu melawan fikiran "jumud" di kalangan umat Islam. Mereka mahu umat Islam meneliti sesuatu perkara berdasarkan realiti kehidupan semasa. Impak kajian ini akan memberi input kepada Majlis Agama Islam dan institusi agama untuk mempertahankan hak-hak Islam di Malaysia.

## PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2017. No Geran: 2017/P/GPIK/INHAD/GPP-001, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk "Manipulasi Sisters In Islam (SIS) Terhadap Hadis Wida' Bagi Tujuan Meratifikasi ICERD".

## RUJUKAN

### BUKU

- Kamus Dewan Edisis Keempat. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 995.
- Zulkiple Abd. Ghani & Noor Amani Mohamed Hussin (t.t). Isu Aqidah Oleh Sisters In Islam Malaysia (Sis) Dalam Media. Diterbitkan oleh Academia.edu
- Prof. Dr. Idris Zakaria, 2012. Islam Liberal Dan Penyimpangan Syariat. Shah Alam: Bahagian Dakwah (JAIS).

### JURNAL

- Latifah Abd Majid, 2011. Response of Muslim Community Concerning Liberal Islam In Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 5(4): 380-385.

### KERTAS KERJA

- Mahamad Naser Disa, 2012. Hak Asasi & Kebebasan Diri Perspektif Syara' Dan Humanisme: Satu Analisis Perbandingan. (kertas kerja dibentangkan di Seminar Pemikiran Liberalisme & Pragmatisme anjuran JAIS di INTEKMA, Shah Alam, pada 28 Jun 2012).

- Wan Roslili binti Majid, 'Khutbah Wada' : Pedoman Berharga Umat Akhir Zaman'. Insitut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). November 27, 2007.

### LAMAN SESAWANG

- <https://pusatislam.usm.my/index.php/aktiviti/artikel/286-menangkis-fahaman-islam-liberal>  
[https://www.academia.edu/10560737/CABARAN\\_AKIDAH PEMIKIRAN\\_ISLAM\\_LIBERAL](https://www.academia.edu/10560737/CABARAN_AKIDAH PEMIKIRAN_ISLAM_LIBERAL)
- Yusliza Yakimir. (2014, November 6). Pengharaman SIS Hormati Fatwa. *Harian Metro*, diakses dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2014/11/6884/hormati-fatwa>
- <http://www.indahnyaislam.my/2018/11/meletakkan-islam-sama-dengan-agama-lain-melanggar-sempadan-syarak/>
- <http://www.indahnyaislam.my/2018/12/icerd-gagal-lindungi-hak-wanita-islam/>
- <http://www.indahnyaislam.my/2018/12/kesan-icerd-kepada-agama-pengajaran-dari-iran-qatar-dan-arab-saudi/>
- <http://www.indahnyaislam.my/2018/11/kerajaan-digesa-tolak-icerd-elak-ketegangan-rakyat-mufti-pulau-pinang/>
- <https://www.ismaweb.net/2018/10/29/all-muslims-should-support-ratification-of-un-anti-racial-discrimination-treaty/>
- <http://www.sistersinislam.org.my/comment.php?comment.news.1570>